



Aksi burung berwarna-warni antara sebahagian daripada 450 spesies koleksi milik Shaiful Azhar.

(FOTO IHSAN SHAIFUL AZHAR ABU BAKAR)

Memburu gambar burung

» Koleksi rakaman foto babit 450 spesies di Asia Tenggara

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

✦ Sintok

Hobi 'memburu' mendorong seorang pengurus jualan kenderaan mengembara ke seluruh negara dan Asia Tenggara sejak enam tahun lalu, semata-mata merakamkan gambar pelbagai aksi burung sebagai koleksi peribadi.

Situasi bagaikan ketagihan itu, mendorong Shaiful Azhar Abu Bakar, 48, keluar memikul kameranya, Canon EOS 500D dan 7D, yang dilengkapi lensa berkuasa 400mm, yang panjangnya umpama batang lemas, hampir setiap minggu, semata-mata membidik foto burung.

Beliau juga Pengurus Jualan Ford Cawangan Kedah, terjebak hobi unik itu sejak 2010, selepas membeli sebuah kamera digital lensa tunggal (DSLR), Canon 1000D, walaupun tiada pengetahuan asas sebagai juru foto.

Kumpul pelbagai spesies

Selepas enam tahun, Shaiful Azhar kini boleh berbangga kerana memiliki koleksi rakaman pelbagai foto burung membabitkan 450 spesies.

Beliau bertekad meneruskan hobinya, kerana maklumat menunjukkan ada kira-kira 750 spesies burung di negara ini daripada lebih 10,500 spesies di seluruh dunia.

Hasil bidikan kameranya, kini dikongsikan untuk tatapan masyarakat menerusi blog fotografi peribadi di Facebook, A'Pong dan Birds of Kedah, untuk burung yang dirakamkan di seluruh negeri kelahirannya.

Shaiful Azhar mengakui, keterujaan merakam aksi burung di habitat semula jadi adalah detik



Shaiful Azhar mengambil gambar burung di hutan simpan Universiti Utara Malaysia.

(FOTO AMRAN HAMID/BH)



Shaiful Azhar meneliti gambar burung yang diambalnya.

terindah yang tidak mampu digambarkan dengan kata-kata.

Bapa kepada empat orang anak itu, mengakui tidak mampu melupakan kenangan manis apabila berjaya merakam aksi burung berwarna-warni seperti burung Rimba Telega Putih (Silver Eared

Mesia) di Bukit Fraser enam tahun lalu.

"Ketika itu rasanya ibarat jatuh cinta semula, rasa macam berada dalam khayalan apabila dapat merakamkan aksi burung yang berwarna-warni itu buat pertama kali," katanya ketika ditemui me-

rakamkan gambar burung sekitar Hutan Simpan Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini.

Kembangkan minat

Shaiful Azhar berkata, Bukit Fraser dianggap sebagai lokasi wajib hobinya itu ketika mula mengembangkan minat, sebelum memperluaskan perjalanannya meliputi seluruh negara, selain negara jiran seperti Filipina dan Thailand.

"Saya akan ke beberapa lokasi yang dirasakan mempunyai banyak peluang merakam aksi burung setiap minggu. Kalau tak boleh pergi jauh, saya sekadar ke sawah padi yang luas atau hutan sekitar Sedim atau Bukit Wang.

"Hutan Simpan UUM adalah kawasan baharu yang saya rasa berbaloi untuk diterokai," katanya yang menghabiskan masa antara tiga hingga empat jam di sesuatu lokasi bagi mendapatkan hasil bidikan terbaik.

Pada masa sama, katanya, beliau tidak akan keluar merakam aksi burung tanpa buku *A Field*

Guide to the Birds of South-East Asia yang ibarat 'kitab' membantunya mengenali spesies burung yang dirakam kerana mustahil untuk mengenali semua spesies unggas terbahit.

Hasil membanggakan

Mengulas hasil paling dibanggakan, Shaiful Azhar berkata, setakat ini beliau satu-satunya individu di Malaysia dapat merakamkan burung Puyuh Kaki Kuning (Yellow Legged Buttonquail) di sawah padi dekat Kepala Batas pada 4 April 2014.

"Koleksi 'mahal' itu kini disimpan Persatuan Pencinta Alam Malaysia sebagai rekod pertama mereka," katanya yang kebiasaannya keluar pada awal pagi kerana burung disifatkan lebih aktif pada waktu terbahit.

Walaupun pernah menjelajah hingga ke luar negara demi hobinya, Shaiful Azhar menyifatkan Kedah mempunyai keistimewaan kerana memiliki spesies burung daripada paya bakau dan bertumpu hingga ke tanah tinggi.

Memegang prinsip 'Jangan mengambil apa-apa selain gambar dan jangan tinggalkan apa-apa kecuali tapak kaki', Shaiful Azhar jatuh hati terhadap burung kerana setiap unggas itu mempunyai karakter tersendiri.

Sebagai contoh, katanya, engaging ialah burung yang sangat setia dengan pasangan sehingga akhir hayat, manakala sewah (cuckoo) pula dikaitkan dengan sifat parasit, apabila suka bertelur di sarang burung lain.

"Burung raja udang pula terbang menjelajah dari Eropah hingga ke Asia Tenggara. Memang menakjubkan bila memikirkan saiz burung yang kecil, mampu menjelajah sejauh itu.

"Namun, sebagai pencinta alam semula jadi, jika berdepan situasi krisis ketika merakam aksi burung, kita perlu biarkan unggas itu menang. Berdasarkan 'etika memburu' jangan ganggu burung membuat sarang," katanya.

Shaiful Azhar yang berkongsi minat sama dengan isterinya, Roziana Noor Kamaludin, 47, berkata beliau memasang cita-cita menjejaki Papua New Guinea kerana negara itu digelar syurga pelbagai jenis burung yang menarik dan berwarna-warni.

Ikuti BH Plus
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video